

Headline	Jangan malu belajar al-Quran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 May 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	28
ArticleSize	375 cm ²	Journalist	Nor Khalilah Gusti
PR Value	RM 19,191		



Jangan malu belajar al-Quran

Walaupun terpaksa belajar dari peringkat asas

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

BANDAR JENGA

Seramai 17 orang telah berjaya menamatkan sesi Pengajian Asas Al-Quran di bawah naungan Jengka Mengaji, sebuah pusat pengajian al-Quran terkenal di Bandar Jengka.

Mereka telah diraikan dalam sebuah majlis khas Pensijilan Asas Al-Quran Jengka Mengaji dan Sambutan Ihyā' Ramadan 1439H, semalam.

Menariknya, mereka ini datangnya daripada pelbagai



Dr Ghazali berucap sebelum menyempurnakan majlis penyampalan sijil.

latar belakang kerjaya dan merupakan individu yang dihormati dalam kalangan masyarakat di Bandar Jengka.

Pengasas Jengka Mengaji, Ustaz Amirudin Ismail berkata, ada di antara mereka merupakan pegawai TNB, guru, ketua jururawat, suri rumah serta beberapa orang usahawan dari pelbagai bidang perniagaan.

"Masalah utama masya-

rakat dalam membaca al-Quran adalah dalam menyebut huruf. Apabila sebutan huruf kurang cantik, maka bacaan juga akan jadi kurang cantik. Justeru, kita selesaikan dahulu masalah ini.

"Penubuhan Jengka Mengaji ini masih di fasa permulaan. Masih banyak perkara yang perlu diperkemas demi memastikan ilmu al-Quran ini diperhebat lagi buat masyarakat.

"Penyertaan untuk sesi kelas mengaji juga masih lagi dibuka. Sokongan sama ada dari sudut moral atau modal yang berterusan amatlah diharapkan agar impian serta cita-cita mumi ini turut dijunjung masyarakat sejagat," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau optimis untuk mendidik masyarakat agar membuang rasa malu dan segan yang menebal dalam

info

17 peserta terima sijil asas mengaji

diri mereka untuk mempelajari al-Quran, biarpun perlu kembali kepada peringkat asas menyebut huruf-huruf Hijaiyyah.

Salah seorang peserta dan penerima sijil, Radzi Abdul Samad yang bertugas di sebuah firma guaman berkata, pendekatan yang dibawakan oleh tenaga pengajar mudah difahami.

"Ustaz tidak terlalu 'strict', tak skema dan bersahaja, serta mudah difahami. Itulah bagi saya keistimewaan saya belajar al-Quran di Jengka Mengaji. Kita rasa selesa dan tak segan silu nak bertanya,"

katanya.

Majlis telah disempurnakan oleh Dr Ghazali Yusof, yang merupakan antara doktor perubatan terawal berkhidmat di sini dan merupakan Imam 1 Surau Nur Firdaus, Taman Desa Jaya 2, Bandar Jengka.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran wakil-wakil penduduk setempat dan diakhiri dengan sama-sama menikmati juadah jamuan yang disediakan.

